

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 July 2023 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 31 Julai 2023 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

The Takafulink Dana Ekuiti Dinasti aims to provide long term capital appreciation by investing in Shariah-compliant investments with exposure to the Greater China region.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti merupakan sebuah dana Ringgit luar pesisir yang bertujuan menawarkan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan pematuhan Shariah dengan pendedahan ke rantau China Besar.

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Eastspring Investments Dinasti Equity Fund	98.26
2 Cash, Deposits & Others	1.74

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/04/2010
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM308,080,858.12
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.00871

## How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana  
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti Vs. Dow Jones Islamic Market Greater China Index



### Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	2.71%	7.79%	-4.48%	-5.54%	-24.88%	-4.32%	100.87%
Benchmark / Penanda Aras	4.60%	7.75%	-2.02%	0.82%	-14.19%	11.95%	141.17%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-1.89%	0.04%	-2.46%	-6.36%	-10.69%	-16.27%	-40.30%

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 July 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Julai 2023 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Market Review

Economic data from China in June continued to point towards weakening growth momentum but showed signs that momentum may be stabilizing. Official manufacturing PMI edged up to 49.0 in June (from 48.8 in May) whilst service PMI fell to 53.2 in June (from 54.5 in May). Headline year-on-year GDP growth rose to 6.3% in the second quarter (1Q23: 4.5% yoy). Youth unemployment rate also worsened further to 21.3% in June from 20.8% in May. During the month there were rising concerns on the default risk of the debt of local government financing vehicles (LGFV). There was also news of US lawmakers calling on the Biden administration to enact tighter export limits on AI chips to China also emerged in the month. However, Chinese indices staged a strong rebound at the end of the month following positive sentiment on pro-growth signal in Politburo meeting which took place on 24th July. Policymakers vowed to enhance countercyclical adjustments, strengthen reserve policies and roll out new measures in a well-timed manner, and to keep macro policies more targeted and coordinated. Measures announced include boosting consumption, stimulating purchases of EVs and services, supporting people's demand for buying their first homes and upgraded housing. Markets reacted positively towards expectations of more supportive policies, with a focus on expanding domestic demand and preventing risk. On 31 July, the National Development and Reform Commission (NDRC) released 20 measures trying to boost domestic consumption, specifically key highlights for promotion of auto, home, electronic goods, catering and tourism consumption. The Dow Jones Greater China Islamic Market Index rose 8.28% in USD terms in July. MSCI China rose 9.84% in USD terms, Hong Kong's Hang Seng index rose 6.67% and the Shanghai Shenzhen 300 Index rose 6.11% outperforming Taiwan's stock market which rose 0.39% in the month. During the month, the Fund rose 2.92%, underperforming the benchmark by 168 bps in the month. Key detractors were zero positions in selected Energy Vehicle stocks and consumer discretionary stocks in China. Overweight position in Technology sector in Taiwan also detracted performance following profit-taking on names leveraged to AI thematic.

### Fund Review & Strategy

With China's reopening done, recovery remains on track with PMI numbers showing a rebound with mobility data largely back to normal. Mobility and consumption have staged a V-shaped comeback, driven by pent-up demand amid removal of pandemic restrictions but economic data post 1Q23 has shown a slowdown in recovery momentum. China has set an official GDP growth target of 5% for 2023 with a priority to boost domestic demand and build a modern industrial system. Economic policy and regulatory policy are all aligned in a pro-growth fashion. Recovery momentum is being sustained after reopening, as the return of growth-focused policy pragmatism revives business and job confidence. Pro-growth policies including further relaxation for the property sector, improvement in job markets, income growth, and restoration of consumption confidence should support a broad-based resumption of consumption growth. We are long term positive on the Greater China markets of China, Hong Kong and Taiwan. This contrasts with developed markets, where inflation remains elevated resulting in aggressive monetary tightening. We expect the accommodative monetary support in China to stay in place as the country to aid economic and consumption recovery. The government's aim to deliver long-term growth, implying that policymakers will likely promote economic growth beyond the near term, countering intensifying structural headwinds of weaker demographics and slower productivity growth. Fund has increased weight in Taiwan technology sector following bottoming of semiconductor inventory cycle in mid-2023 with the next semiconductor upcycle to begin in 2H23. Fund would look to gradually increase weight in China on expectations of further stimulus and support to be issued to sustain economic recovery. However, fund continues to believe that China's growth rate will continue at a healthy level that would support long term corporate earnings growth with exit from recovery to expansion. On a relative basis, the Greater China market continues to appear attractive on a price-earnings-growth (PEG) perspective.

### Tinjauan Bulanan

Data ekonomi China pada Jun terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang lemah tetapi menunjukkan tanda-tanda momentum mungkin menstabil. PMI pembuatan rasmi meningkat kepada 49.0 pada Jun (daripada 48.8 pada Mei) manakala PMI perkhidmatan jatuh kepada 53.2 pada Jun (daripada 54.5 pada Mei). Pertumbuhan keseluruhan KDNK tahun ke tahun meningkat kepada 6.3% pada suku kedua (S123: 4.5% YoY). Kadar pengangguran belia juga merudum kepada 21.3% pada Jun daripada 20.8% pada Mei. Pada bulan tersebut wujudnya kebimbangan mengenai risiko mungkir hutang kenderaan pembiayaan kerajaan tempatan (LGFV) yang semakin meningkat. Terdapat juga berita mengenai penggubal undang-undang US yang menggesa pentadbiran Biden untuk menggubal had eksport yang lebih ketat ke atas cip AI ke China juga timbul pada bulan itu. Bagaimanapun, indeks China mencatatkan lonjakan kukuh pada akhir bulan berikutan sentimen positif terhadap isyarat pro-pertumbuhan dalam mesyuarat Politburo yang berlangsung pada 24 Julai. Penggubal dasar berikrar untuk meningkatkan pelarasan kitaran balas, mengukuhkan dasar rizab dan melancarkan langkah baharu dengan cara yang tepat pada masanya, di samping memastikan dasar makro lebih disasarkan dan diselaraskan. Langkah yang diumumkan termasuk meningkatkan penggunaan, merangsang pembelian EV dan perkhidmatan, menyokong permintaan orang ramai untuk membeli rumah pertama mereka dan perumahan yang dinaik taraf. Pasaran bertindak balas secara positif terhadap jangkaan dasar yang lebih menyokong, dengan tumpuan untuk mengembangkan permintaan domestik dan mencegah risiko. Pada 31 Julai, Suruhanjaya Pembangunan dan Pembaharuan Negara (NDRC) mengeluarkan 20 pendekatan sebagai usaha untuk meningkatkan penggunaan domestik, khususnya sorotan utama untuk promosi penggunaan kenderaan, rumah, elektronik, catering dan pelancongan. Indeks Dow Jones Greater China Islamic Market meningkat 8.28% dari segi USD pada Julai. MSCI China meningkat 9.84% dari segi USD, indeks Hang Seng Hong Kong meningkat 6.67% manakala Indeks Shanghai Shenzhen 300 meningkat 6.11% mengatasi prestasi pasaran saham Taiwan yang meningkat 0.39% pada bulan tersebut. Pada bulan ini, Dana meningkat 2.92%, tidak mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 168bps. Penjejas ialah kedudukan sifar dalam sebilangan saham Kenderaan Tenaga dan pengguna bukan keperluan di China. Kedudukan pegangan berlebihan dalam sektor Teknologi di Taiwan turut menjejaskan prestasi berikutan pengambilan untung ke atas saham yang disandarkan kepada tema AI.

### Tinjauan dan Strategi Dana

Berikutan pembukaan semula China sepenuhnya, pemulihan kekal di landasan yang betul dengan angka PMI menunjukkan lonjakan dengan data mobiliti sebahagian besarnya kembali normal. Mobiliti dan penggunaan telah melancarkan kemunculan semula berbentuk V, didorong oleh permintaan terpendam di tengah-tengah penghapusan sekatan pandemik tetapi data ekonomi selepas 1Q23 telah menunjukkan momentum pemulihan melemah. China telah menetapkan sasaran pertumbuhan KDNK rasmi sebanyak 5% bagi 2023 dengan keutamaan untuk meningkatkan permintaan domestik dan membina sistem perindustrian moden. Dasar ekonomi dan dasar kawal selia semuanya diselaraskan dengan pendekatan pro-pertumbuhan. Momentum pemulihan dikekalkan selepas dibuka semula, kembalinya pragmatisme dasar yang memfokuskan pertumbuhan, memulihkan keyakinan perniagaan dan pekerjaan. Dasar pro-pertumbuhan termasuk pelonggaran lanjut ke atas sektor hartanah, penambahbaikan pasaran pekerjaan, pertumbuhan pendapatan, dan pemulihan keyakinan penggunaan sewajarnya menyokong pertumbuhan semula penggunaan secara meluas. Kami positif ke atas pasaran Greater China di China, Hong Kong dan Taiwan menurut jangka panjang. Ini berbeza dengan pasaran maju, yang mana inflasi kekal tinggi lalu mengakibatkan pengetatan monetari yang agresif. Kami menjangkakan sokongan monetari yang akomodatif di China akan kekal kerana negara tersebut membantu pemulihan ekonomi dan penggunaan. Matlamat kerajaan untuk menyampaikan pertumbuhan jangka panjang membayangkan bahawa penggubal dasar berkemungkinan akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa terdekat, mengatasi tekanan struktur yang semakin sengit akibat demografi yang lebih lemah dan pertumbuhan produktiviti yang lebih perlahan. Dana telah menambah pegangan dalam sektor teknologi Taiwan berikutan penurunan kitaran inventori semikonduktor pada pertengahan 2023 dengan kitaran naik semikonduktor seterusnya akan bermula pada 2H23. Dana akan meninjau untuk meningkatkan pegangan secara beransur-ansur di China berdasarkan jangkaan rangsangan dan sokongan selanjutnya yang akan dilaksanakan untuk mengekalkan pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, Dana terus percaya bahawa kadar pertumbuhan China akan berterusan pada tahap yang sihat lalu akan menyokong pertumbuhan pendapatan korporat jangka panjang dengan keluar daripada pemulihan kepada pengembangan. Pada asas relatif, pasaran Greater China terus kelihatan menarik pada perspektif harga-pendapatan-pertumbuhan (PEG).

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

All information as at 31 July 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Julai 2023 melainkan jika dinyatakan

Source / Sumber: Fund Commentary, July 2023, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

*Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.*

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL